



Headline: Tiada urusan kerajaan melalui telefon
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 25 October 2020

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 9

Tiada urusan kerajaan melalui telefon

Oleh **MASZUREEN HADZMAN**
maszureen.hadzman@mediamulia.com.my

KUALA LUMPUR: Agensi kerajaan seperti balai polis dan mahkamah tidak pernah berurusan menerusi panggilan telefon terutama melibatkan akaun, tangkapan dan kes.

Bagaimanapun, menerusi teknik *spoofing*, sindiket penipuan Macau Scam mampu mengaut keuntungan dengan menipu mangsa hanya bermodalkan air liur.

Risikan Polis Diraja Malaysia (PDRM) mendapati, *spoofing* adalah teknik berkomunikasi menggunakan platform Suara Melalui Protokol Internet (VoIP) dengan menyalin nombor telefon jabatan-jabatan kerajaan untuk menghubungi mangsa.

Mangsa yang menerima panggilan daripada nombor 'pendua' jabatan kerajaan terpedaya dan panik.

Sindiket penipuan kemudian menyamar sebagai pegawai polis, mahkamah, Bank Negara Malaysia (BNM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan agensi-agensi



VICTOR SANJOS

lain yang boleh 'menakutkan' mangsa sehingga mereka menyerahkan maklumat peribadi serta perbankan mereka.

Timbalan Pengarah Bahagian Siasatan Jenayah Siber dan Multimedia Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Senior Asisten Komisioner Victor Sanjos berkata, sebenarnya tiada agensi kerajaan seperti mahkamah atau polis dan bank berurusan melalui telefon kecuali urusan temu janji.

"Apa saja urusan berkaitan dengan akaun, tangkapan dan kes hanya diselesaikan di

pejabat sama ada di balai polis, mahkamah atau mana-mana agensi.

"Jika mendapat panggilan daripada nombor tidak dikenali, usah hubungi semula nombor telefon tersebut sebaliknya semak nombor telefon rasmi syarikat, organisasi atau institusi untuk pengesahan.

"Paling penting, jangan dedahkan nombor akaun bank, nombor kad mesin juruwang automatik (ATM) atau kad kredit kepada orang tidak dikenali," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia*.

Menurut beliau, modus operandi lain yang digunakan sindiket Macau Scam adalah dengan membuat penyambungan panggilan atau *transfer call* dari satu agensi ke agensi lain.

Sebagai contoh, katanya, individu menerima panggilan pihak kurier memaklumkan ada bungkusan atas nama mereka terlibat dengan aktiviti pengubahan wang haram sebelum memaklumkan menyambungkan panggilan ke balai polis.

"Panggilan sedemikian hanya helah memperdaya mangsa," katanya.